

31 JUL 2000

Hasina-Pekerja

MALAYSIA AKAN AMBIL PEKERJA BANGLADESH JIKA ADA KEKOSONGAN

PUTRAJAYA, 31 Julai (Bernama) -- Malaysia akan terus mengambil pekerja dari Bangladesh jika ada kekosongan pekerjaan di negara ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberitahu demikian dalam pertemuan dua hala dengan rakan sejawatannya dari Bangladesh, Sheikh Hasina di Jabatan Perdana Menteri (JPM), di sini hari ini.

Sheikh Hasina dan rombongannya tiba di sini petang ini untuk lawatan kerja empat hari bertujuan mempertingkatkan kerjasama ekonomi dan perdagangan dengan Malaysia serta hubungan dua hala.

Menteri Luar Datuk Syed Hamid Albar memberitahu sidang media selepas mesyuarat itu bahawa Perdana Menteri Bangladesh itu diberitahu bahawa Malaysia kini mengamalkan dasar pengambilan pekerja asing berasaskan sistem rotasi.

"Pekerja asing yang sudah habis tempoh akan pulang dan pekerja baru akan datang," katanya.

Kini terdapat 119,000 pekerja Bangladesh di Malaysia.

Syed Hamid berkata Dr Mahathir turut menekankan tentang pentingnya pengambilan pekerja asing diatur dengan baik bagi mengelakkan mereka dieksploitasi pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Beliau berkata pengambilan pekerja asing perlu dikawal selia dan mengikut saluran yang betul supaya pemberian pekerjaan adalah berasaskan adanya kerja di negara ini.

"Kita tidak mahu pekerja dari mana-mana negarapun datang ke negara ini tanpa mempunyai pekerjaan kerana ini akan membangkitkan masalah yang berlainan," katanya.

Syed Hamid berkata, pengambilan melalui saluran yang betul juga dapat mengelakkan pekerja asing yang mengharapkan kebahagiaan melalui peluang pekerjaan di sini daripada menjadi hampa.

Pekerja asing yang tidak mempunyai pekerjaan di negara ini terpaksa dihantar pulang ke negara asal mereka.

Sheikh Hasina turut menyatakan minatnya untuk menjadikan Malaysia sebagai contoh bagi membangunkan Bangladesh kerana beliau kagum dengan kemajuan yang dicapai di negara ini.

"Malaysia akan membuka bukunya untuk menunjukkan contoh dan pengalaman yang boleh dimanfaatkan oleh Bangladesh," katanya.

"Orang luar sangat menghargai kemajuan yang dicapai di Malaysia dan rakyat negara ini patut sama-sama menghargainya," katanya.

Menteri Buruh dan Pekerjaan Bangladesh MA Mannan dan Menteri Negara untuk Hal Ehwal Luar Bangladesh Abul Hassan Chowdhury ialah antara lapan anggota rombongan Bangladesh yang menyertai mesyuarat itu.

Sheikh Hasina mengetuai rombongan 73 orang termasuk 35 orang usahawan dalam lawatannya itu.

-- BERNAMA

AFY AHH MAI